



TEKS UCAPAN

**YS PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI KELANTAN**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN – MEI 2025
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI
KELANTAN**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Terima kasih kepada Saudara dan Saudari Pengacara Majlis serta Pembaca Doa.

Yang Dihormati,

PgKB I Aswafaizole bin Abdul Wahab

Timbalan Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan

Yang Berusaha,

Encik Hazri Bin Che Maail

Penolong Pengarah (Pendidikan Kesihatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Penolong-penolong Pengarah Bahagian,

Ketua-ketua Zon, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan,

Ketua- ketua Balai, rakan-rakan media

Yang diraikan penerima-penerima Sijil Penghargaan Wellness Hub, Sijil UKTK, Sijil IPPT, Sijil Watikah Briged Bomba, Sijil

Watikah Bomba Junior serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra, Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya, dapat kita bersua sekali lagi, pada pagi yang berbahagia ini, dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan bagi bulan Mei 2025. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga kerja Bahagian Latihan Negeri sebagai tuan rumah kerana dapat merencana dan merealisasikan majlis pada pagi ini dan berdoa semoga kita semua sentiasa berada dalam keadaan yang sihat dan dirahmati oleh Allah SWT.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada barisan pemain dan pengurusan Pasukan Ragbi The Red Muntjac JBPM Negeri Kelantan di atas kejayaan memperolehi gelaran Johan dalam Kategori BOWL dan terpilih mewakili Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Kelantan ke Kejohanan Rugby 10s – Piala Ketua Pengarah Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia pada 29 hingga 31 Mei 2025. Tidak lupa juga kepada barisan pemain bolasepak Piala YS Pengarah JBPM Negeri Kelantan yang telah berhempas pulas dalam pertandingan tersebut yang telah berlangsung tempohari. Kita berkumpul untuk menyemarakkan semangat kesukanan dalam diri, ia bukan sahaja medan untuk menunjukkan kehebatan fizikal, tetapi juga untuk memupuk semangat juang, kesabaran, dan persahabatan. Ingatlah, kejayaan bukan hanya diukur dari berapa banyak pingat yang dimenangi, tetapi dari usaha terbaik yang kita berikan dan semangat kesukanan yang kita tunjukkan. Berikan yang terbaik, dalam setiap pertandingan ada pemenang, tetapi semangat kesukanan menjadikan kita semua juara.

Semoga semua berjalan dengan lancar dan semoga kita boleh beri cabaran kepada pasukan lawan kelak. Insya Allah.

KESIAPSIAGAAN MONSUN BARAT DAYA

3. Musim Monsun Barat Daya telah bermula pada 10 Mei 2025 dan akan berterusan sehingga September 2025 berikutan keadaan angin yang mula bertiup secara konsisten dari arah barat daya ke rantau Negara. Semasa kemuncak musim ini pada Julai hingga September, fenomena jerebu setempat dan rentas sempadan boleh berlaku sekiranya aktiviti pembakaran terbuka tidak dikawal. Oleh yang demikian, kita sebagai jabatan meneraju penyelamatan negara perlu sentiasa berwaspada dengan perubahan cuaca dan bencana alam yang akan datang bersama tanpa dapat diduga. Dalam konteks JBPM, YAS Ketua Pengarah telah menyeru agar semua Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri sentiasa berwaspada dengan sebarang kemungkinan yang berlaku dan bersiap siaga. Sentiasa peka dengan maklumat, nasihat, ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia. Oleh itu, saya menyeru agar semua warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan khususnya Ketua-Ketua Balai di kawasan

jagaan masing-masing agar sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga menghadapi perubahan cuaca dan sebarang bencana yang tidak dapat diduga.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PROGRAM KESEDARAN AWAM

4. *'Building A Fire-Resilient Community'* memerlukan pendekatan pelbagai serampang, memberi tumpuan kepada pendidikan, kesediaan, dan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat. Ini termasuk mengukuhkan tadbir urus risiko bencana, pelaburan dalam langkah pengurangan risiko bencana, dan meningkatkan kesiapsiagaan bencana. Selain itu, kempen - kempen kesedaran yang melibatkan komuniti setempat serta lain lain pihak adalah amat penting bagi memastikan objektif tersebut dicapai. JBPM Kelantan terus komited dengan merancang serta melaksanakan pelbagai program seperti Seminar OKK, Bomba Junior, Kadet Bomba, Briged Siswa dan Kor Siswa. Dalam perkembangan lain Bomba Junior telah dilaksanakan bawah seliaan BBP Kota Bharu, Rantau Panjang dan Pasir Mas manakala Kor Siswa pula telah dijalankan di Universiti

Malaysia Kelantan, Bachok serta Briged Bomba di Politeknik Kota Bharu.

Pihak media juga tidak ketinggalan dengan memainkan peranan yang cukup penting untuk merealisasikan impian masyarakat ke arah kehidupan yang lebih moden dan sejajar dengan wawasan negara. Media mampu mendidik rakyat serta mampu menentukan arah kehidupan masyarakat. Oleh itu rakan-rakan media juga akan kita libatkan dalam pelaksanaan Program Bomba Komuniti Media pada 29 Mei 2025 bertempat di BBP Pengkalan Kubor.

Oleh itu diharapkan semua pegawai dan kakitangan JBPM Negeri Kelantan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam memastikan objektif ni dapat direalisasikan secara menyeluruh

PROGRAM WELLNESS HUB

5. Program Wellness Hub merupakan pusat sehenti (*one stop centre*) yang menawarkan perkhidmatan kesejahteraan dan kesihatan yang komprehensif dan bersepadu kepada komuniti setempat. Objektif program ini ialah untuk beralih daripada “*Sick Care*” kepada “*Health Care*” agar individu berkemahiran dalam penjagaan kesejahteraan kesihatan diri, keluarga dan komuniti. Sepanjang tahun 2024, 30 orang pegawai dan anggota telah terpilih untuk mengikuti program tersebut yang telah dijalankan selama 6 bulan yang memfokuskan kepada amalan gaya hidup sihat dan penurunan berat badan. Program ini akan diteruskan lagi pada tahun ini bermula pada bulan Jun.

PROGRAM DAN KURSUS

6. Merujuk kepada falsafah Dasar Latihan Sumber Manusia, JBPM :

“JBPM menghendaki supaya setiap pegawainya mengikuti kursus dan latihan bagi melengkapkan diri dengan sikap (attitude), kemahiran (skill) dan pengetahuan (knowledge)

yang bersesuaian, melalui program-program latihan yang berterusan dan terancang dengan matlamat melahirkan personnel yang profesional, berintegriti dan kompeten terhadap tugas dan tanggungjawab, bersesuaian dengan pangkat dan jawatan yang disandang.”

Melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Latihan Negeri akan melaksanakan 12 Kursus Dalam pada tahun ini dengan kos RM 76,680.00. Daripada jumlah tersebut 5 kursus berkaitan dengan Kebombaan dan Menyelamat telah dijalankan dengan jayanya.

Suka saya ingatkan kepada semua Pegawai dan Anggota diwajibkan hadir kursus yang telah dirancang. Menjadi tanggungjawab semua Ketua Bahagian dan Ketua Balai dalam memastikan pegawai yang dicalonkan untuk berkursus seperti yang ditetapkan. Tindakan disiplin akan dikenakan sekiranya seorang pegawai itu didapati ingkar perintah sejajar dengan - Peraturan Ingkar Perintah dibawah Peraturan 4(2)(i), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, P.U.(A) 395/1993

Pertandingan Kawad Kecekapan akan dilaksanakan pada 25 – 30 Julai 2025 bertempat di Akademi Bomba Dan Penyelamat Wilayah Timur, Wakaf Tapai dan pertandingan kali akan melibatkan 12 acara dengan melibatkan 28 orang peserta. Apa yang menariknya untuk edisi kali ini ialah ia turut melibatkan cabaran dari komuniti berikut :

- Bomba Komuniti
- Persatuan Bomba Sukarela
- Organisasi Keselamatan Kebakaran
- dan, Bomba Agensi

Semoga semua pegawai yang terlibat dalam edisi kali ini memberikan sepenuh komitmen sepanjang pertandingan berlangsung. Pastikan bendera Negeri Kelantan berkibar megah di Wakaf Tapai, Terengganu.

PENUTUP

15. Hadirin yang saya muliakan, sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari ini, besar harapan saya untuk melihat JBPM Kelantan khususnya duduk sama rendah, berdiri sama tinggi sebaris dengan JBPM negeri-negeri lain serta menjadi tonggak utama ke arah profesionalism di dalam perkhidmatan kebombaan. Pegawai dan kakitangan diharapkan mempunyai keberanian sendiri dalam membawa perubahan, gunakanlah kepakaran yang ditimba daripada pengalaman lalu untuk sentiasa menambah baik perkhidmatan dalam memperkasa kumpulan sasar supaya mampu bersaing dalam dunia digital yang semakin mencabar.

Sekali lagi TAHNIAH dan SYABAS diucapkan kepada semua penerima anugerah dan sijil penghargaan pada hari ini. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada urusetia dan jawatankuasa kerja dalam memastikan majlis pada hari ini berlangsung dengan jayanya. Teruskan tekad dan semangat padu yang ditunjukkan dalam mengekalkan prestasi kerja yang produktif dan progresif. Semoga kita semua warga kerja Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan sentiasa berada di bawah lindungan rahmatNya setiap masa.

***KILAU PERMATA NIAN DIGILAP,
SERI TERPANCAR TEPIAN SELENDANG,
JBPM HEBAT, WARGANYA MANTAP,
PRESTASI CEMERLANG, NAMANYA GEMILANG.***

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.